

13 JAN 2001

Pas-perpaduan

PAS TUNGGU SURAT RASMI UMNO

ALOR SETAR, 13 Jan (Bernama) -- Pas masih menantikan surat rasmi daripada Umno bagi mengadakan pertemuan peringkat teknikal untuk membincangkan format, agenda dan logistik berhubung perbincangan mengenai perpaduan Melayu melibatkan kedua-dua parti itu.

Setiausaha Agung Pas Nasharudin Mat Isa berkata setakat ini beliau selaku pengerusi jawatankuasa teknikal Pas hanya menerima beberapa panggilan telefon daripada Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berhubung perkara berkenaan.

"Pagi ini saya telah menghantar surat kepada Tan Sri Khalil meminta Umno memberi surat rasmi bagi membolehkan perbincangan peringkat teknikal itu diadakan segera," katanya kepada pemberita selepas majlis Adilfitri anjuran Muslimat Pas Kedah di sini hari ini.

Nasharudin berkata surat daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjemput Pas mengadakan perbincangan bagi penyatuan orang Melayu telahpun diterima, dan Pas menjawab ia bersetuju menyertai perbincangan itu.

"Sekarang kita minta surat rasmi untuk perbincangan peringkat teknikal," katanya.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir semalam bahawa perbincangan itu akan menumpu kepada perpaduan Melayu dahulu kemudian baru perpaduan nasional, Nasharudin yang juga anggota Parlimen Yan berkata beliau akan membincangkan tentang agenda itu dengan Khalil.

Pas sebelum ini menyatakan bahawa parti itu mahu perbincangan perpaduan itu ditumpukan kepada perpaduan nasional dan tidak hanya kepada perpaduan Melayu.

Turut hadir pada majlis hari ini adalah Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat.

-- BERNAMA

MZM MAI